



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61

16hb Ogos 2018

No. 17

No. 53.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Saiful Azhar bin Zainuddin (No. K/P: 700407-09-5089) beralamat di 28, RPA Santan, Jalan Santan, Kangar, 01000 Perlis, dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas Tanah Perserahan No. 1155/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Maryah binti Che Din (No. K/P: 531226-09-5018) Pemohon Potong Kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Beseri. No. Lot—20107. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4030.
Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 bahagian (mengikut syer).

Bertarikh 29 Jun 2018

[PTG.Ps.(R) 343/128(318)]

*Pentadbir Tanah
Pejabat Tanah dan Galian Perlis
Perlis*

No. 54.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(b) dan pengisytiharan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960—Pengambilan Tanah bagi Cadangan Tapak Pencawang Masuk Utama 132/33KV Kuala Perlis East, Mukim Kuala Perlis, Perlis.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jalan Penjara, 01000 Kangar, Perlis.

JADUAL

Daerah—Perlis.

- (a) Tujuan Pengambilan: Permohonan Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(b) dan pengisytiharan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960—Pengambilan Tanah bagi Cadangan Tapak Pencawang Masuk Utama 132/33KV Kuala Perlis East, Mukim Kuala Perlis, Perlis.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

16hb Ogos 2018]

291

(b) Butiran Tanah:

Bil.	No. Lot/No. P.T.	Mukim/Pekan/ Bandar	Daerah/Jajahan
1.	Lot 2901	Mukim Kuala Perlis	Perlis
2.	Lot 2898	Mukim Kuala Perlis	Perlis
3.	Lot 269	Mukim Kuala Perlis	Perlis
4.	Lot 61	Mukim Kuala Perlis	Perlis

Bertarikh 26 Mac 2018

*Pengarah Tanah dan Galian
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

CAWANGAN ALOR SETAR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA